

SOALAN LAZIM SEWAAN RERUAI EXPERT 2026



1. Macam mana nak daftar reruai?

👉 Layari laman web PERDA (www.perda.gov.my). Klik pautan EXPERT2026 dan ikut arahan. Isi semua maklumat yang diminta sampai habis, lepas tu tekan HANTAR.

2. Lepas isi borang, dah confirm ke dapat reruai?

❌ Belum. Penghantaran borang BUKAN JAMINAN dapat reruai.

✅ Anda hanya SAH dapat reruai bila TERIMA Surat Tawaran dan dah buat bayaran.

3. Macam mana nak buat bayaran?

🕒 Buat bayaran dalam masa 15 minit lepas pilih reruai!

✉ Semak emel untuk dapatkan invois & maklumat pembayaran.

💰 Bayaran melalui akaun bank yang diberi.

4. Apa jadi kalau lambat bayar?

🚫 reruai yang dipilih akan terbuka semula kepada orang lain.

👉 Siapa cepat, dia dapat!

5. Boleh pilih reruai sendiri tak?

✅ Boleh! Guna pelan susun atur reruai yang diberi.

🚫 Tapi kalau dah diambil orang lain, anda kena pilih yang masih kosong.

6. Ada had berapa reruai boleh ambil?

🟡 Setiap pempamer maksimum 2 reruai sahaja, kecuali kelulusan khas.

7. Boleh jual apa-apa je ke kat reruai?

🚫 Tak boleh! Kena ikut kategori produk yang dipilih masa daftar.

⚠ Jika langgar kategori, reruai boleh dibatalkan dan bayaran tak dipulangkan.

8. Apa yang disediakan dalam setiap reruai?

🏠 reruai saiz 3M x 3M (Blok B, C, D, E, F & L)

🏠 reruai saiz 20' x 20' (Blok I & J)

✅ 1 Meja , ✅ 2 Kerusi , ✅ 1 Plug point

📦 Kalau nak lebih, boleh sewa tambahan masa daftar.

9. Kalau salah isi maklumat dalam borang atau soalan lain?

📞 Hubungi urus setia dengan segera (<https://wa.link/trtb5a>)

📱 Pastikan nombor telefon yang diberi boleh dihubungi dan ada WhatsApp.

10. Macam mana nak tahu borang dah berjaya dihantar?

✉ Anda akan terima emel pengesahan.

📌 Simpan emel tu dan tunggu invois untuk bayaran.

